

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI

KAWASAN : [PADANG SERAI]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 35

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan MITRA (Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia) merupakan satu unit untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat kaum India di negara ini. Apakah dasar dan perancangan MITRA bagi pembangunan masyarakat kaum India di negara ini. Apakah pencapaian oleh MITRA setakat ini terhadap kaum India sejak diambil alih dari Kerajaan dahulu. Mohon beri penjelasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

MITRA telah menggariskan satu hala tuju yang komprehensif untuk membina kapasiti dan berusaha ke arah meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India Malaysia. Hala tuju ini merangkumi pelbagai aspek demi membentuk masyarakat India Malaysia ke arah komuniti yang inklusif dan berdaya saing.

Bagi merealisasikan impian ini, MITRA membuat perancangan yang sewajarnya dan telah mengenalpasti beberapa program pemerkasaan dan pembangunan golongan belia, wanita dan kanak-kanak, pemantapan program pra-sekolah, sekolah rendah, menengah dan tertiar dan turut memberi kepentingan kepada aspek kerohanian dan pembangunan insaniah. Selain itu, hala tuju MITRA juga mengutamakan pewujudan peluang pekerjaan dan peningkatan dalam pendapatan yang akan memberi impak positif kepada status sosioekonomi masyarakat India Malaysia. Segala usaha ini akan membabitkan penglibatan masyarakat India Malaysia yang dikategorikan sebagai B40 dalam agenda pembangunan negara.

Program-program berimpak tinggi yang sedang atau bakal dijalankan akan dilaksanakan secara optimum dari segi kos dalam usaha meningkatkan taraf hidup, status, dan keupayaan masyarakat India secara keseluruhannya.

Pendekatan-pendekatan yang dicadangkan memberi penekanan kepada empat (4) teras sejajar dengan agenda pembangunan masyarakat India Malaysia iaitu:

- (i) Pendidikan dan Latihan
- (ii) Ekonomi dan Kerjaya
- (iii) Kebajikan dan Pembangunan Sosial
- (iv) Identiti dan Keterangkuman

SOALAN NO : 35

Setakat ini, pelbagai program kerjasama bersama NGO dan agensi Kerajaan yang lain telah diwujudkan dan dilaksanakan sebagai satu jambatan untuk menyalurkan bantuan kepada masyarakat India Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Melalui fasa pertama sebanyak 38 program yang bernilai hampir RM 15 juta telah diluluskan. Manakala dalam fasa kedua pula, sebanyak 60 program yang bernilai hampir RM 16 juta telah diluluskan. Jumlah besar peruntukan yang diluluskan setakat ini oleh MITRA hampir mencecah RM 31 juta dan telah memberi peluang kepada lebih kurang 100 NGO's setakat ini untuk mengadakan pelbagai program berimpak tinggi kepada kaum India.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai tahap pencapaian Unit MITRA sejak peralihan kuasa dan anjakan urus tadbir kerajaan telah di jawab pada sidang Parlimen bertarikh 1 Julai 2019 dan pada sesi-sesi mesyuarat sebelum ini.

Sekian, terima kasih.